

MAHASISWA, SLANGA, PEMBENTANGAN KUMPULAN BERBAHASA MELAYU DAN PRAGMATIK (TEORI RELEVANS)

*University Students, Slang, Malay Language Group Presentations, and Pragmatics
(Relevance Theory)*

Muhammad Zaid Daud^{*1}, Mohamad Fakhri Aiman Yasir², Aqil Danial Emran³, Amir Haziq Nordin⁴, Muhammad Zahirul Ikhwan Abdul Halim⁵, Noor Hanisha Jasni⁶, Erwan Ismail⁷, Shahrulanuar Mohamed⁸, Nur Farain Ali⁹, Al Amin Mohamed Sultan¹⁰, Mary Fatimah Subet¹¹

^{1,7,8,9}Pusat Pembelajaran Bahasa, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

^{2,3,4,5,6}Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM)

¹⁰Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

¹¹Fakulti Pendidikan, Bahasa, dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

*Penulis koresponden: zaid.daud@utem.edu.my

Published: 12 Disember 2024

To cite this article (APA): Daud, M. Z., Yasir, M. F. A., Emran, A. D., Nordin, A. H., Abdul Halim, M. Z. I., Jasni, N. H., Ismail, E., Mohamed, S., Ali, N. F., Mohamed Sultan, A. A., & Subet, M. F. (2024). Mahasiswa, Slanga, Pembentangan Kumpulan Berbahasa Melayu dan Pragmatik (Teori Relevans). *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(2), 1–14. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.2.1.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.2.1.2024>

ABSTRAK

Umur mahasiswa universiti teknikal di Malaysia rata-ratanya bermula dari 19 sehingga 24 tahun. Mahasiswa ini terdiri daripada pelajar yang mendaftar di peringkat pengajian diploma dan ijazah sarjana muda. Maka, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pandangan mahasiswa universiti teknikal mengenai penggunaan slanga dalam pembentangan kumpulan berbahasa Melayu, menganalisis impak penggunaan slanga dalam pembentangan tersebut serta merumuskan cadangan dan langkah bagi mahasiswa universiti teknikal dalam menggunakan slanga dalam pembentangan tugas kumpulan berbahasa Melayu. Perbincangan kajian ini turut mengaplikasikan pendekatan pragmatik, iaitu Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986). Dari sudut metodologi, kajian ini berbentuk kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan silang dan borang soal selidik yang menggunakan skala Likert dari 1 hingga 5 dan pilihan jawapan “ya” atau “tidak”. Populasi dan sampel terdiri daripada mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), dengan pilihan responden dipilih secara rawak, melibatkan jumlah keseluruhan 510 mahasiswa. Data dikumpul secara dalam talian melalui platform “Google Forms” dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Hasil kajian mendapati, majoriti responden bersetuju bahawa slanga sering digunakan oleh mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dalam pembentangan berbahasa Melayu. Mereka percaya penggunaan slanga boleh mempengaruhi pemahaman audiens serta memberi impak positif kepada gaya dan keberkesanan pembentangan. Responden juga menekankan bahawa, pensyarah perlu memberi perhatian serius terhadap penggunaan slanga dalam pembentangan kumpulan dalam bahasa Melayu. Kesimpulannya, menurut Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986), penggunaan slanga memudahkan komunikasi dengan mengurangkan usaha pemprosesan pendengar. Namun begitu, dalam konteks akademik, penggunaan bahasa formal tanpa slanga lebih relevan kerana mengurangkan risiko salah faham dan memastikan kejelasan maklumat.

Kata kunci: mahasiswa, universiti teknikal, pembentangan kumpulan, bahasa melayu, pragmatik